

Memperkasa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk Abad ke-21

AKEPT dan UTeM Anjur Webinar Berpengaruh Pengajaran Inovatif dan Petunjuk Kompetensi

Oleh: Ummu Atiyah Ahmad Zakuan (AKEPT), Muliati Sedek (UTeM) dan Siti Rohana Omar (UTeM)

AKADEMI Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), yang kini diterajui oleh YBrs. Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, memainkan peranan utama dalam memperkukuhkan kepimpinan institusi pengajian tinggi di Malaysia. Selari dengan slogan Shaping Minds, Building Leaders, AKEPT merangka inisiatif kepimpinan berstruktur yang menyokong pengurusan institusi untuk memperkasakan pendidikan tinggi.

Fokus AKEPT pada pembangunan kepimpinan akademik dan institusi adalah selaras dengan Rangka Tindakan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi), yang menggariskan kepentingan membangunkan bakat kepimpinan masa kini dan akan datang bagi memperkukuhkan ekosistem pendidikan tinggi negara.

Webinar bertajuk Technical and Vocational Education and Training, (TVET) atau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dalam Abad ke-21 – Fokus kepada Pengajaran Inovatif dan Petunjuk Kompetensi adalah kerjasama Pusat Kecemerlangan dan Kesarjanaan Akademik (PKKA), UTeM dan AKEPT.

Antara yang terlibat di dalam perancangan dan pengurusan webinar ialah Pengarah PKKA, PM Dr. Mohd Shakir Md. Saat, bersama dua Timbalan Pengarah iaitu PM Dr. Muliati

Sedek dan Ts. Dr. Sani Irwan Salim dan pihak AKEPT diketuai oleh Timbalan Pengarah PM Dr. Ummu Atiyah Ahmad Zakuan dan pasukan beliau.


Webinar tersebut menampilkan tiga pakar TVET iaitu Profesor Dr. Ramlee Mustapha dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Profesor Rupert Maclean dari Hong Kong Institute of Education, dan Dr. Faudzi Muhammad dari Bahagian Koordinasi TVET, Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti.

Antara intipati perkongsian adalah mengetengahkan kepentingan TVET sebagai alat transformasi bagi ekonomi ASEAN. Dengan dasar yang tepat, strategi pembangunan kemahiran, dan penekanan terhadap penajajaran industri, TVET berpotensi untuk melengkapkan tenaga kerja agar berjaya dalam masa depan yang ditentukan oleh perubahan teknologi dan ekonomi.

Namun, tanpa perubahan ini, rantau ini berisiko ketinggalan dalam persaingan global untuk tenaga kerja mahir berteknologi tinggi. Selain itu, penyelarasan semula TVET dengan keperluan semasa dan trend masa depan adalah penting bukan sahaja dalam rantau Asia tetapi di seluruh dunia.

TVET perlu diubah suai, yang melibatkan pertimbangan semula terhadap struktur, kaedah penyampaian, dan matlamatnya untuk memenuhi cabaran semasa dan keperluan tenaga kerja masa depan.

Model pembelajaran fleksibel dan inovasi kurikulum ada-



SESI Webinar bertajuk Technical and Vocational Education and Training, (TVET) atau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional dalam Abad ke-21 – Fokus kepada Pengajaran Inovatif dan Petunjuk Kompetensi.

lah antara strategi untuk mengubahsuai TVET bagi membekalkan pelajar dengan kemahiran penting serta memupuk budaya penambahbaikan berterusan dan inovasi.

Penekanan kerjasama antara institusi pendidikan, industri, dan kerajaan adalah penting bagi memastikan pendidikan TVET terus relevan dan responsif kepada keperluan ekonomi semasa.

Komitmen AKEPT dan UTeM dalam Memacu Transformasi Pendidikan TVET

Kejayaan program ini dan pengiktirafan yang diterima menunjukkan komitmen AKEPT dan UTeM dalam serius dalam

mendukung kecemerlangan pendidikan tinggi. Inisiatif ini bukan sahaja memenuhi keperluan industri, malah menyokong aspek pembelajaran yang berdaya tahan dan mampan, menjadikan TVET kekal relevan dan kompetitif dalam memenuhi tuntutan tenaga kerja masa hadapan.

Komitmen ini juga mendukung aspirasi dan usaha Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang juga Pengerusi Majlis TVET Negara dalam usaha menjadikan lepasan TVET mendapat gaji premium pada kadar antara RM2,500 hingga RM4,000.

Ini dapat menangani isu kekurangan kemahiran yang

berlaku dalam pelbagai industri dengan memotivasikan lebih ramai individu untuk mendaftar dalam program TVET dan membangunkan kecekapan yang diperlukan oleh majikan.

Pemerkasaan TVET ini mendapat sambutan baik dalam kalangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat swasta serta Pertubuhan Kebangsaan Pekerja Berkemahiran (BELIA MAHIR) dalam situasi menang-menang di mana graduan diberi ganjaran dengan gaji premium dan industri memperoleh profesional mahir untuk memacu pertumbuhan dan inovasi.



BANGUNAN AKEPT.